



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Tabung Pertahanan Negara
(Pembubaran dan Pemindahan)**

DR.06/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA pemegang-pemegang amanah Tabung Pertahanan Negara telah membuat keputusan untuk membubarkan Tabung tersebut dan memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, harta-harta tersebut hendaklah dipegang secara amanah dan digunakan mengikut syarat-syarat dan bagi maksud-maksud, sebagaimana yang pada masa itu, dinyatakan dalam Suratcara Amanah berkenaan dengan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara;

DAN BAHAWASANYA Lembaga Pengurusan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara telah memutuskan untuk menerima pemindahan tersebut;

Oleh yang demikian, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan

nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Pertahanan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara” ertinya tabung amanah yang dinamakan sedemikian yang disenggara dan diuruskan di bawah Suratcara Amanah yang disempurnakan pada 31hb Oktober 1968 di antara Lembaga Pengurusan Tabung Amanah tersebut sebagai satu pihak dan Pemegang Amanah Raya, Malaysia sebagai pihak yang satu lagi;

Akta 61.

“Tabung Pertahanan Negara” ertinya Tabung yang disenggara melalui Akaun Amanah Tabung Pertahanan Negara yang diwujudkan di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957.

Pembubaran Tabung Pertahanan Negara dan pemindahan aset dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

3. (1) Tabung Pertahanan Negara hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dibubarkan dan semua wang, sekuriti dan aset-aset lain yang ada dalam akaun amanah yang disenggara berkenaan dengannya di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957, atau selainnya menjadi kepunyaan atau kena dibayar kepada Tabung itu, hendaklah pada mula berkuatkuasanya Akta ini dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dan diletakkan kepada pemegang-pemegang amanah Tabung Amanah tersebut, dan pemindahan serta perletakhakan itu hendaklah terus berkuatkuasa tanpa apa-apa jua dokumen pemindahan, pemindahhakan atau perserahhakan.

(2) Wang, sekuriti dan aset-aset lain yang dipindahkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dipegang secara amanah dan digunakan di bawah Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara mengikut

syarat-syarat dan bagi maksud-maksud, sebagaimana yang pada masa itu, dinyatakan dalam Suratcara Amanah yang berkenaan dengannya.

(3) Semua hak dan liabiliti yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah hak dan liabiliti Tabung Pertahanan Negara hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, diturunkan pada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan mentakrif dan mengenalpasti Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara itu masing-masing.

3. *Subfasal (1) Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara semua wang, sekuriti dan aset-aset lain yang ada dalam Tabung Pertahanan Negara ke dalam akaun amanah yang disenggara di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957, dan juga semua wang, sekuriti dan aset-aset lain yang selainnya menjadi kepunyaan Tabung tersebut atau kena dibayar ke dalam Tabung itu, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Subfasal (2) Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bahawa wang, sekuriti dan aset-aset lain yang dipindahkan dari Tabung Pertahanan Negara kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara hendaklah dipegang secara amanah dan digunakan di bawah Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara mengikut syarat-syarat Tabung itu dan bagi maksud-maksud Tabung itu, sebagaimana yang pada masa itu, dinyatakan dalam Suratcara Amanahnya.

5. *Subfasal (3) Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi semua hak dan liabiliti Tabung Pertahanan Negara diturunkan pada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan pemindahan sebarang baki yang tertinggal di dalam Akaun Amanah Tabung Pertahanan Negara ini (setelah dijelaskan semua liabiliti) termasuk aset-asetnya yang telah diaudit.

[PN. (U²) 1244.]